

## KRONOLOGI KESIHATAN MUHAMMAD ADIB

### 27 NOVEMBER 2018

Muhammad Adib yang juga anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya dipercayai dipukul sekumpulan perusuh ketika operasi memadam kebakaran kenderaan di hadapan Kuil Sri Maha Mariamman, Subang Jaya. Mangsa yang mengalami patah tulang rusuk dan kecederaan dalaman dimasukkan ke Pusat Perubatan Sime Darby.

### 28 NOVEMBER 2018

Muhammad Adib dipindahkan ke Institut Jantung Negara (IJN) yang mempunyai mesin khas untuk menyalurkan oksigen lebih banyak ke paru-parunya.

### 29 NOVEMBER 2018

Muhammad Adib menunjukkan tindak balas positif dan kurang bergantung kepada ubat-ubatan untuk jantungnya.

### 30 NOVEMBER 2018

Muhammad Adib mula sedar dan faham arahan yang diberikan.

### 3 DISEMBER 2018

Muhammad Adib tidak lagi bergantung kepada mesin sokongan jantung. Bagaimanapun, mesin sokongan masih terus digunakan pada bahagian paru-parunya.

### 5 DISEMBER 2018

IJN tidak membenarkan kunjungan pelawat selama tiga hari bagi membelahkan Muhammad Adib menjalani sesi

# Penghormatan terakhir

SINAR HARIAN 19/12/2018 M1502



Jenazah Allahyarham Muhammad Adib tiba dengan helikopter M17-IV milik Jabatan Bomba dan Penyelamat di padang SK Tebengau, Kedah pada Pangkalan Udara Bomba Subang, semalam.

hari bagi membolehkan Muhammad Adib menjalani sesi fisioterapi tanpa gangguan dan mengelak berlakunya risiko jangkitan daripada pelawat.

### 8 DISEMBER 2018

■ Muhammad Adib masih bergantung dengan beberapa mesin sokongan untuk memastikan organ dalamnya dapat dipulihkan pada tahap optimum.

### 10 DISEMBER 2018

■ Muhammad Adib mula memberikan respons dengan menulis pada papan putih untuk berkomunikasi.

### 16 DISEMBER 2018

■ Kesihatan Muhammad Adib semakin merosot dan fungsi paru-parunya mengalami penurunan beransur-ansur. Fungsi buah pinggangnya juga tidak menunjukkan peningkatan di mana beliau terus memerlukan sokongan dialisis.

### 17 DISEMBER 2018

■ Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir jam 9:41 malam di IJN.

## Lebih 10,000 penduduk menunggu ketibaan jenazah Adib

### ALOR SETAR

Jenazah Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim tiba di padang Sekolah Kebangsaan Tebengau, jam 10.30 pagi semalam.

Helikopter berkenaan turut membawa ibu bapa dan

adik perempuan Allahyarham serta tunangnya, Nurul Najihah Mohd Radzi.

Jenazah Muhammad Adib turut diiringi dua helikopter yang membawa beberapa orang kenamaan terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek; Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Amir Yusoff dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Datuk Soiman Jahid bersama pengarah bahagian.

Sebaik mendarat di padang sekolah, jenazah Muhammad Adib disambut penuh istiadat kebombaian daripada pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri Kedah dan Perlis.

Lebih 10,000 penduduk turut berkumpul di kawasan sekitar SK Tebengau untuk menyaksikan ketibaan helikopter yang membawa jenazah Allahyarham.

Mereka berkumpul seawal jam 7 pagi bagi memberi penghormatan terakhir buat Allahyarham yang dianggap wira negara.

## Adib selamat dikebumikan

ALORSETAR - Jenazah Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim selamat dikebumikan di tanah perkuburan Masjid Saadah, Kampung Tebengau, Kuala Kedah, kira-kira jam 1.40 tengah hari, semalam.

Jenazah sebelum itu tiba di pekarangan masjid jam 12.20 tengah hari dengan jentera EMRS Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Orang ramai turut sama menunaikan solat jenazah yang diimamkan Mufti Ke-

dah, Datuk Syeikh Fadhil Awang.

Beberapa kenamaan turut kelihatan memberi penghormatan terakhir, antaranya Mufti Perlis, Datuk Mohd Asri Zainul Abidin; Ahli Parlimen Padang Terap, Datuk Seri Mahdzir Khali dan Exco kerajaan negeri.

Turut kelihatan, Skwad Badar dan juga bekas Pengarah Unit Tindakan Khas (UTK) Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Yusof Armi.